UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***HUBUNGAN ANTARA PENGHARAPAN, SIKAP TERHADAP PERKHIDMATAN KAUNSELING DAN NIAT UNTUK MENDAPATKAN PERKHIDMATAN KAUNSELING DALAM KALANGAN PELAJAR BERISIKO***

***NUR JANNAH BT BALI MAHOMED***

**FPP 2014 70**

# HUBUNGAN ANTARA PENGHARAPAN, SIKAP TERHADAP PERKHIDMATAN KAUNSELING DAN NIAT UNTUK MENDAPATKAN PERKHIDMATAN KAUNSELING DALAM KALANGAN PELAJAR BERISIKO

**Oleh**

**NUR JANNAH BT BALI MAHOMED**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**Disember 2014**

© COPYRIGHT UPM

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta @ Universiti Putra Malaysia.

© COPYRIGHT UPM

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**HUBUNGAN ANTARA PENGHARAPAN, SIKAP TERHADAP PERKHIDMATAN KAUNSELING DAN NIAT UNTUK MENDAPATKAN PERKHIDMATAN KAUNSELING DALAM KALANGAN PELAJAR BERISIKO**

Oleh

**NURJANNAH BT BALI MAHOMED**

**Disember 2014**

**Pengerusi : Maznah bt Baba, PhD**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Kajian deskriptif dan korelasi yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara pengharapan, sikap terhadap perkhidmatan kaunseling dan niat untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko. Lapan buah sekolah menengah di daerah Hulu Langat telah dipilih secara rawak berkelompok. Seramai 184 orang pelajar Tingkatan Empat yang bermasalah disiplin dari sekolah berkenaan telah terpilih sebagai responden. Instrumen *Expectations About Counseling-Brief Form* oleh Tinsley, Workman dan Kass (1980) telah digunakan untuk mengukur pengharapan terhadap perkhidmatan kaunseling, *Attitudes Toward Seeking Professional Psychological Help Scale* oleh Fisher dan Farina (1995) digunakan mengukur sikap untuk mendapatkan bantuan perkhidmatan kaunseling dan *Intentions to Seek Counseling Inventory* oleh Ajzen (2006) mengukur niat untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Data dianalisis dengan mengunakan ujian korelasi *Pearson* dan Regresi Pelbagai. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara pengharapan dengan niat untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko, r (184) = .372; $p < .05$, seterusnya terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap untuk mendapatkan



© COPYRIGHT UPM

perkhidmatan kaunseling dengan niat untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling, $r (184) = .325; p < .05$. Analisis Regresi Pelbagai pula menunjukkan bahawa pengharapan pelajar menyumbang 13.8% terhadap varian dalam niat untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko, $R^2 = .138$, $F (1, 182) = 29.163$, $p < .05$. Sikap untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling hanya menyumbang 10.6% terhadap varian, $R^2 = .106$, $F (1, 182) = 21.480$, $p < .05$. Analisis Regresi Pelbagai menunjukkan pengharapan mengenai kaunseling, Beta = .298 memberi kesan signifikan ($t = 4.219$, $p < .05$) berbanding pembolehubah bebas sikap untuk mendapat bantuan kaunseling, Beta = .230 yang memberi kesan signifikan ($t = 3.251$, $p < .05$). Hal ini menunjukkan pengharapan mengenai kaunseling pelajar berisiko mempunyai pengaruh yang lebih kepada niat untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling berbanding dengan sikap untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Pengharapan dan sikap pelajar berisiko terhadap perkhidmatan kaunseling berkait erat dengan niat mereka untuk mendapatkan bantuan kaunselor. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memberi satu implikasi yang besar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah di Malaysia agar perkhidmatan yang ditawarkan di sekolah perlu memenuhi pengharapan pelajar berisiko dalam kalangan semua sasaran pelajar terutamanya pelajar berisiko dalam kategori masalah salahlaku disiplin. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang disediakan perlu lebih kompitens dan berkualiti serta dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan pelajar dalam melahirkan pelajar modal insan berinovatif dan berkemahiran tinggi selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025.

© COPYRIGHT UPM

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science.

**RELATIONSHIP BETWEEN EXPECTATION, ATTITUDES AND INTENTION TO SEEK COUNSELING SERVICES AMONG AT RISK STUDENTS**

By

**NUR JANNAH BT BALI MAHOMED**

**December 2014**

**Chairman : Maznah bt Baba, PhD**

**Faculty : Educational Studies**

This study was a descriptive and correlational research attempted to identify the relationship between expectation, attitude and intention to seek counselling services among at-risk students. Eight secondary schools in the Hulu Langat district were selected using clustered random sampling. Respondents were 184 Form Four students with disciplinary problems. The instruments "Expectations About Counseling-Brief Form" (Tinsley, Workman & Kass, 1980) was used to measure Expectation, while Attitudes Toward Seeking Professional Psychological Help Scale (Fisher & Farina, 1995) measured Attitude toward seeking counselling services. The Intention to Seek Counseling Inventory (Ajzen, 2006) measured Intention toward seeking counselling services. Data were analyzed using descriptive and inferential statistics such Pearson Correlation Coefficient and Multiple Linear Regression. Results show that there is a significant relationship between Expectation and Intention to seek counselling services among at-risk students, r (184) = .372; $p < .05$, the relationship between Attitude and Intention toward seeking counselling services was significant, r (184) = .325; $p < .05$. Multiple Linear Regression analysis showed that students' Expectation contributed 13.8% to the variance, $R^2 = .138$, F (1, 182) = 29.163; $p < .05$. Attitudes toward seeking counselling contributed 10.6 % to the variance, $R^2 = .106$, F (1, 182) = 21.480; $p < .05$. Multiple Linear Regression analysis showed that Beta = .298, t = 4.219, $p < .05$, compared to the variable Attitude toward seeking counselling services, Beta = .230, t = 3.25; $p < .05$. This implies



© COPYRIGHT UPM

that at-risk students' Expectation toward counseling is more influential on Intention compared to Attitudes. At-risk students' Expectation toward counselling is related to their Intention to seek counselling services. Overall, results of this study imply that Malaysian school guidance and counselling services need to be friendly and instill a positive attitude among all students, especially at-risk students with behavioural problems. The services provided need to be perceived as of high quality and can benefit all students consistent with the aspiration of the Malaysian Education Development Plan 2013 – 2025 to  develop innovative human capital.

© COPYRIGHT UPM

# PENGHARGAAN

Syukur dipanjatkan kepada Allah s.w.t di atas segala limpahan nikmat dan rahmat yang dikurniakan-Nya sehingga kajian ini mampu disempurnakan dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih buat penyelia yang dihormati, Dr. Maznah bt Baba dan Dr. Wan Marzuki Wan Jaafar atas segala bimbingan dan tunjuk ajar, komitmen, motivasi dan kesabaran yang diberikan dalam usaha menyiapkan tesis ini. Syukur kehadrat Allah S.W.T atas kurniaNya yang memberikan peluang kepada saya untuk meraih ilmu daripada penyelia yang tidak pernah putus asa dan terus membantu saya. Mudah-mudahan segala ilmu yang dicurahkan kepada saya akan mendapat keberkatan Allah serta kebaikan dunia dan akhirat. Jazakkumullah Khair diucapkan atas usaha gigih penyelia dalam mendidik saya.

Setulus penghargaan juga ditujukan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia kerana telah memberi biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) untuk saya menjalani pengajian di peringkat Sarjana Kaunseling .

Penghargaan yang tidak terhingga untuk suami tersayang, Tn. Hj. Mohamed Ibrahim Nar Hussain, anak-anak, Nur Aisyah Ibrahim, Nur Samihah Ibrahim, Nur Hasanah Ibrahim, Nur Imtinan Ibrahim dan Mohamed Ismael Ibrahim yang telah banyak memberi galakan dan sokongan sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Tidak dilupakan juga ucapan jutaan terima kasih buat ibu bapa tercinta iaitu Ayahanda Bali Mahomed dan bonda Rahinyan yang sentiasa memberi semangat dan berdoa agar Allah permudahkan urusan saya menyiapkan tesis ini. Hanya Allah s.w.t sahaja yang mampu membalas jasa kalian.

Harapan saya, mudah-mudahan dengan izin-Nya kajian ini dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang berkenaan disamping menjadi pemangkin kepada meningkatkan minat saya dalam bidang penyelidikan kaunseling.

© COPYRIGHT UPM

Akhir kata, saya memohon maaf andainya terdapat sebarang kekurangan ataupun kesilapan yang dilakukan sepanjang pelaksanaan tesis ini kerana saya hanyalah manusia biasa yang tidak lari daripada kesilapan. Sesungguhnya, yang baik itu dari Allah s.w.t, dan yang buruk itu juga datang dengan izin-Nya, tetapi disandarkan ke atas kelemahan saya, bagi mengingatkan kita bahawa itulah fitrah manusia.

Sekian, Wassalam

© COPYRIGHT UPM

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 2 Disember 2014) untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nur Jannah bt Bali Mahomed bagi menilai tesis beliau yang bertajuk Hubungan Antara Ekspektasi, Sikap dan Niat Untuk Mendapatkan Perkhidmatan Kaunseling Dalam Kalangan Pelajar Berisiko mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Sidek Noah bin Mohd Noah, PhD**
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

**Hj. Jamaludin bin Hj. Ahmad, PhD**
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

**Siti Aishah binti Hassan, PhD**
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

**Abdul Halim Mohd Hussin, PhD**
Profesor Madya
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia
(Pemeriksa Luar)

**NORITAH OMAR, PhD**
Profesor Madya dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



© COPYRIGHT UPM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Maznah binti Baba, PhD**
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

**Wan Marzuki bin Wan Jaafar,PhD**
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

© COPYRIGHT UPM

**Perakuan Pelajar Siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas,
- tesis tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain,
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah , modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah yang telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan:____________________________ Tarikh:_______________

Nama dan No.Matrik:_____________________________________________

© COPYRIGHT UPM

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan**

Dengan ini diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah- Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: ________________

Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan : ________________

Tandatangan : ________________

Ahli Jawatankuasa Penyeliaan : ________________

© COPYRIGHT UPM

## JADUAL KANDUNGAN

| | | Halaman |
|---|---|---|
| **ABSTRAK** | | **i** |
| **ABSCTRACT** | | iii |
| **PENGHARGAAN** | | vi |
| **PENGESAHAN** | | vii |
| **PERAKUAN** | | ix |
| **SENARAI JADUAL** | | xv |
| **SENARAI RAJAH** | | xix |
| **SENARAI SINGKATAN** | | xx |
| BAB | | |
| **1** | **PENGENALAN** | 1 |
| | Latar Belakang Kajian | 1 |
| | Pernyataan Masalah | 4 |
| | Objektif Umum | 7 |
| | Objektif Khusus | 7 |
| | Persoalan Kajian | 7 |
| | Hipotesis Kajian | 8 |
| | Definisi Pembolehubah Kajian | 8 |
| | Pengharapan | 8 |
| | Sikap Untuk Mendapatkan Kaunseling | 9 |
| | Niat Untuk Mendapatkan Perkhidmatan Kaunseling | 10 |
| | Pelajar Berisiko | 10 |
| | Perkhidmatan Kaunseling | 11 |
| | Signifikan Kajian | 11 |
| | Limitasi Kajian | 13 |
| | Ringkasan | 14 |
| **2** | **TINJAUAN LITERATUR** | 15 |
| | Pengenalan | 15 |
| | Pengharapan Mengenai Kaunseling | 15 |
| | Sikap Untuk Mendapatkan Kaunseling | 16 |
| | Niat Untuk Mendapatkan Kaunseling | 18 |
| | Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah | 18 |
| | Pelajar Berisiko | 21 |
| | Latar Belakang Teori | 24 |
| | Teori Tindakan Bersebab | 24 |
| | Teori *Planned Behaviour* | 26 |
| | Kerangka Teoretikal Kajian | 28 |
| | Tinjauan Kajian Lepas Berkaitan | 29 |
| | Tahap Pengharapan Terhadap Kaunseling | |



© COPYRIGHT UPM

| | | |
|---|---|---|
| | Tinjauan Kajian Lepas Berkaitan Tahap Sikap Untuk Mendapatkan Kaunseling | 32 |
| | Tinjauan Kajian Lepas Berkaitan Tahap Niat Untuk Mendapatkan Kaunseling | 35 |
| | Tinjauan Kajian Lepas Berkaitan Hubungan Antara Pengharapan Terhadap Kaunseling dan Sikap Untuk Mendapatkan Kaunseling | 37 |
| | Tinjauan Kajian Lepas Berkaitan Hubungan Antara Pengharapan Terhadap Kaunseling Dengan Niat Untuk Mendapatkan Kaunseling | 38 |
| | Tinjauan Kajian Lepas Berkaitan Hubungan Antara Sikap dan Niat Untuk Mendapatkan Kaunseling | 41 |
| | Tinjauan Kajian Lepas Berkaitan Hubungan Antara Pengharapan Terhadap Kaunseling, Sikap dan Niat Untuk Mendapatkan Kaunseling | 44 |
| | Kerangka Konseptual | 46 |
| | Ringkasan | 48 |
| **3** | **METHODOLOGI KAJIAN** | 49 |
| | Pengenalan | 49 |
| | Reka Bentuk Kajian | 49 |
| | Lokasi Kajian | 50 |
| | Subjek Kajian | 50 |
| | Populasi Kajian | |
| | Sampel Kajian | 51 |
| | Teknik Persampelan | 54 |
| | Kaedah Pengumpulan Data | 55 |
| | Alat Akur Ujian | 56 |
| | Kesahan dan Kebolehpercayaan | 67 |
| | Kajian Rintis | 69 |
| | Penganalisaan Data Statistik | 71 |
| | Ringkasan | 75 |
| **4** | **DAPATAN KAJIAN** | 77 |
| | Pengenalan | 77 |
| | Analisis Deskriptif Maklumat Diri | 78 |
| | Taburan Responden Mengikut Jantina | 78 |
| | Taburan Responden Mengikut Bangsa Pelajar | 78 |
| | Taburan Responden Mengikut Pengalaman Berjumpa Kaunselor | 79 |
| | Taburan Responden Mengikut Pengalaman Berjumpa Secara Sukarela atau Dirujuk | 79 |



© COPYRIGHT UPM

| | | |
|---|---|---|
| | Taburan Responden Mengikut Pengalaman Tidak Pernah Berjumpa Kaunselor | 79 |
| | Analisis Tahap Pengharapan Pelajar Terhadap Kaunseling | 80 |
| | Analisis Tahap Sikap Untuk Mendapatkan Kaunseling | 82 |
| | Analisis Tahap Niat Untuk Mendapatkan Kaunseling | 84 |
| | Analisis Deskriptif Tahap Niat Untuk Mendapatkan Kaunseling Secara Keseluruhan | 85 |
| | Ujian Normaliti Bagi Taburan Data Kajian | 85 |
| | Penerokaan Analisis Data | 86 |
| | Keputusan Pengujian Hipotesis | 86 |
| | Ringkasan | 96 |
| **5** | **PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN** | **97** |
| | Pengenalan | 97 |
| | Perbincangan Keputusan Kajian | 97 |
| | Kesimpulan Kajian | 106 |
| | Implikasi Kajian | 107 |
| | Implikasi Teoretikal | 107 |
| | Aplikasi Praktikal | 108 |
| | Cadangan Kajian Lanjutan | 109 |
| | Ringkasan | 110 |
| **RUJUKAN** | | 111 |
| **LAMPIRAN** | | 127 |
| **BIODATA PELAJAR** | | 128 |
| **SENARAI PENERBITAN** | | 129 |

© COPYRIGHT UPM

## SENARAI JADUAL


| Jadual | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1. | Rangka Persampelan Kajian | 53 |
| 2. | Taburan soalan soal selidik | 57 |
| 3. | Taburan Item Soal Selidik Expectation About Counseling – Brief Form | 59 |
| 4. | Pemarkatan Item-item Skala Likert (EAC-BF) mengikut domain | 59 |
| 5. | Julat Skor Keseluruhan Tahap Pengharapan Mengenai Kaunseling | 61 |
| 6. | Julat Skor Subskala Tahap Komitmen Personal | 61 |
| 7. | Julat Skor Subskala Tahap Situasi Fasilitatif | 61 |
| 8. | Julat Skor Subskala Tahap Kepakaran Kaunselor | 61 |
| 9. | Skor Indeks Tahap Pengharapan Terhadap Kaunseling | 61 |
| 10. | Taburan Item Soal Selidik ATSPPH mengikut subskala | 62 |
| 11. | Menunjukkan item positif dan item negatif yang terdapat dalam instrumen ATSPPHS. | 63 |
| 12. | Pemarkatan Item-item Skala Likert (ATSPPHS) mengikut domain | 63 |
| 13. | Permarkatan Bagi Item Positif dan Item Negatif Skala Likert (ATSPPHS) | 63 |
| 14. | Julat Skor Keseluruhan Tahap Sikap Untuk Mendapatkan Kaunseling | 65 |
| 15. | Julat Skor Subskala Tahap Kesedaran Mengenai Kaunseling | 65 |
| 16. | Julat Skor Subskala Tahap Toleransi Stigma | 65 |
| 17. | Julat Skor Subskala Tahap Keterbukaan Interpersonal | 65 |




© COPYRIGHT UPM

18. Julat Skor Subskala Tahap Keyakinan Mengenai Kaunseling 65

19. Skor Indeks Tahap Sikap Untuk Mendapatkan Kaunseling 65

20. Pemarkatan Item-item Skala Likert Intention To Seek Counseling Inventory mengikut domain 66

21. Julat Skor Keseluruhan Tahap Niat Untuk Mendapatkan Kaunseling 67

22. Skor Indeks Tahap Niat Untuk Mendapatkan Kaunseling 67

23. Kesahan Kandungan Daripada Panel Pakar Bidang 68

24. Nilai Alpha Kebolehpercayaan EAC-BF 69

25. Nilai Alpha Kebolehpercayaan ATSPPHS 69

26. Nilai Alpha Kebolehpercayaan Niat Untuk Mendapatkan Kaunseling 69

27. Kebolehpercayaan EAC-BF 70

28. Kebolehpercayaan ATSPPHS 70

29. Kebolehpercayaan Niat Untuk Mendapatkan Kaunseling 71

30. Jadual Ringkasan Analisis Deskriptif 72

31. Jadual Tafsiran Umum Nilai Pekali Korelasi 73

32. Jadual Pengujian Hipotesis 74

33. Taburan Frekuensi Responden Mengikut Jantina 78

34. Taburan Frekuensi Responden Mengikut Bangsa Pelajar 78

35. Taburan Frekuensi Responden Mengikut Pengalaman Berjumpa Kaunselor 79

36. Taburan Frekuensi Responden Mengikut 79



© COPYRIGHT UPM

Pengalaman Berjumpa kaunselor sukarela atau dirujuk

37. Taburan Frekuensi Responden Mengikut Pengalaman Tidak Pernah Berjumpa kaunselor 80

38. Taburan Sampel Berdasarkan Tahap Pengharapan Mengenai Kaunseling 81

39. Analisis Diskriptif Subskala-subskala Pengharapan Mengenai Kaunseling 81

40. Taburan Sampel Berdasarkan Tahap Sikap Untuk Mendapatkan Kaunseling 82

41. Analisis Diskriptif Subskala-subskala Sikap Untuk Mendapatkan Kaunseling 83

42. Taburan Sampel Berdasarkan Tahap Niat Untuk Mendapatkan Kaunseling 84

43. Analisis Diskriptif Tahap Niat Untuk Mendapatkan Kaunseling Secara Keseluruhan 85

44. Korelasi Antara Komitmen Personal, Situasi Fasilitatif, Kepakaran Kaunselor dan Pengharapan Mengenai Kaunseling Keseluruhan Dengan Sikap Untuk Mendapat Perkhidmatan Kaunseling 87

45. Korelasi Antara Kesedaran Keperluaan Kaunseling, Toleransi Stigma, Keterbukaan Interpersonal, Keyakinan Mengenai Bantuan Kaunseling Dan Sikap Untuk Mendapatkan Kaunseling Keseluruhan Dengan Niat Untuk Mendapat Perkhidmatan Kaunseling 89

46. Korelasi Antara Komitmen Personal, Situasi Fasilitatif, Kepakaran Kaunselor dan Pengharapan Mengenai Kaunseling Keseluruhan Dengan Niat Untuk Mendapat Perkhidmatan Kaunseling 91

47. Pemboleh ubah Dimasukan/dikeluarkan[b] 92

48. Ringkasan Model Pelbagai Di mana pembolehubah Niat Untuk Mendapatkan Kaunseling Pelajar Berisiko sebagai Pemboleh ubah Bersandar[b] 93

49. ANOVA Pengharapan Mengenai Kaunseling, Sikap Untuk Mendapatkan Kaunseling dan Niat Untuk 93



© COPYRIGHT UPM

Mendapatkan Kaunseling Pelajar Berisiko [b]

50. Pekali Piawai Beta Pengharapan Mengenai Kaunseling, Sikap Untuk Mendapatkan Kaunseling dan Niat Untuk Mendapatkan Kaunseling Pelajar Berisiko[a] 93

51. Jadual Sikap Untuk Mendapatkan Kaunseling Sebagai Perantara Antara Pengharapan Mengenai Kaunseling dan Niat Untuk Mendapatkan Kaunseling 94

52. Ringkasan Keputusan Kajian Berdasarkan Hipotesis Kajian 96

© COPYRIGHT UPM

## SENARAI RAJAH

**Rajah** **Muka Surat**

1. Teori *Reason Action* (Azjen & Fishbein, 1980) 25

2. Model *Teori Plan Behavior* 27

3. Kerangka Teoritikal Kajian 28

4. Rangka Konseptual Kajian 47

© COPYRIGHT UPM

# SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| Dk | Darjah Kebebasan |
| *f* | Frekuensi |
| Ha | Hipotesis Alternatif |
| M | Min |
| N | Saiz Sampel |
| *p* | Aras Signifikan |
| SP | Sisihan Piawai |
| SPSS | *Statistical Package for Social Science* |
| < | Kurang daripada |
| > | Lebih daripada |
| = | Bersamaan |
| % | Peratus |
| & | Dan |
| EAC-BF | Expectation About Counseling –Brief Form |
| ATSPPHS | Attitudes Toward Seeking Professional Psychological Help Scale |
| d | ralat margin untuk min anggaran yang boleh diterima |
| s | anggaran sisihan piawai dalam populasi |

© COPYRIGHT UPM

# BAB 1

# PENGENALAN

## Latar Belakang Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi melihat hubungan antara pengharapan, sikap dan niat untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko. Dalam bab ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, definisi konsep dan operasional, kesignifikan kajian serta limitasi kajian .

Sebelum tahun 1996, beberapa orang guru dipilih atau diarah bagi menguruskan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Personal ini akan mengikuti seminar, kursus atau maklumat berkait untuk melaksanakan tugas. Pada tahun 1996, guru bimbingan dan kaunseling perlu melengkapkan kompetensi diri dengan memiliki ilmu pengetahuan, kemahiran dan keupayaan mengurus serta melaksanakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling secara komprehensif sesuai dengan tuntutan dan keperluan semasa. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah adalah untuk merealisasikan agenda Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) khususnya teras kedua PIPP iaitu Membangunkan Modal Insan.

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling secara sepenuh masa di sekolah membawa maksud guru bimbingan dan kaunseling perlu memberi perkhidmatan sepenuh masa dengan waktu bertugas mengikut waktu persekolahan dengan melaksanakan tugas mengendalikan kaunseling individu, kaunseling kelompok serta aktiviti pengajaran dan pembelajaran meliputi tajuk seperti kemahiran belajar, pendidikan panduan kerjaya, pendidikan kepimpinan murid, pendidikan psikososial dan kesejahteraan mental, pendidikan pencegahan dadah dan rokok. Terdapat juga beberapa program yang wajib bagi memperkukuhkan program pembangunan modal insan di dalam kalangan murid.

Antara objektif perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ialah memberi perkhidmatan pencegahan iaitu menghindarkan pelajar terlibat dengan salahlaku dan tidak berdisiplin seperti vandalisme peras ugut, membuli, dadah, merokok dan tingkah laku antisosial. Di samping itu, perkhidmatan bimbingan dan kauseling turut memberi perkhidmatan pemulihan dengan tujuan mengorientasikan semula pelajar yang bermasalah peribadi, pelajaran, kerjaya dan psikososial supaya mampu mengatasi masalah



© COPYRIGHT UPM

tersebut. Selain itu, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling memberi perkhidmatan intervensi krisis kepada pelajar yang mengalami tekanan perasaaan, mental yang akut, kemurungan dan kerisauan melampau (Malek Muhamat Said, 2007).

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan untuk mengenalpasti faktor–faktor yang terlibat dalam mempengaruhi sikap pelajar untuk mendapatkan bantuan kaunseling. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan klien mengelakkan diri dari mendapatkan bantuan kaunseling telah dibincangkan dalam kajian lepas. Antara kajian-kajian yang dikenalpasti adalah tentang stigma sosial, ketakutan emosi (Komiya, Good & Sherrod, 2000), takut untuk mendapatkan rawatan (Deane & Todd, 1996), utiliti dan risiko yang dijangka (Vogel, Wester, Wei & Boysen, 2005), pendedahan kendiri (Hinson & Swanson, 1993). Terdapat dua faktor dalam kajian lepas yang turut menjadi punca klien enggan untuk mendapatkan bantuan kaunseling iaitu berkaitan dengan norma sosial dan estim kendiri klien. Selain daripada itu, terdapat kajian yang menunjukkan antara faktor lain yang menjadi penghalang ialah faktor jantina, peranan jantina, ketetapan, budaya dan permasalahan klien (Vogel, Wester & Larson, 2007).

Terdapat kajian mendapati pelajar masih enggan untuk mendapatkan bantuan kaunseling kerana faktor-faktor seperti kecenderungan untuk menyembunyikan diri, perbezaan jantina, perbezaan tahap pendidikan, kepercayaan yang ada pada diri mereka, tahap stres, kepercayaan lokus kawalan diri, persepsi yang suka menyendiri, tidak bersedia untuk berkongsi masalah, kurang maklumat mengenai perkhidmatan kaunseling dan faktor utama keengganan untuk mendapatkan bantuan kaunseling adalah bimbang dirinya akan dilabel (Sahin & Yuksal Uyar, 2011). Para penyelidik cuba untuk mendapatkan variasi faktor yang boleh diambil kira yang menyebabkan klien gagal untuk menerima perkhidmatan kaunseling yang disediakan. Dalam kajian terkini mendapati elemen yang mempunyai hubungan dengan sikap untuk mendapatkan bantuan kaunseling adalah jantina (Kakhnovets, 2011; Tata & Leong, 1994), peranan jantina (Ang Lim, Tan, & Yau, 2004; Blakr, 2008; Jana Masri, 2010, Turkum, 2005), peranan maskulin dan kemurungan (Good & Wood, 1995) dan lokus kawalan diri (Barwick, De Man, & Mc Kelvie, 2009; Fisher and Turner, 1970). Faktor-faktor lain yang turut menjadi fokus kajian penyelidik iaitu umur, kumpulan etnik kaum, negara asal, agama dan status ekonomi dan sosial / sosioekonomi (Jubert 2009, Lin, Inui, Kleinman, & Womack, 1982).

Menurut Raviv (2009), remaja perlu diberikan bantuan psikologi namun kurang senang untuk menerima perkhidmatan ini, punbegitu terdapat kajian yang membuktikan bahawa bagi remaja yang menghadapi isu yang berat seperti penyalahgunaan bahan, penderaan fizikal dan seksual atau pun yang berkait dengan kesihatan bersedia untuk mendapatkan bantuan



© COPYRIGHT UPM

pertolongan professional. Remaja enggan untuk mendapatkan bantuan pertolongan kerana wujudnya persepsi bahawa masalah yang dihadapi adalah terlalu peribadi, bimbang maklumat yang disampaikan tidak menjaga etika kerahsiaan, yakin dapat menyelesaikan masalah dengan sendirinya. Di samping itu, terdapat persepsi bahawa tidak ada individu yang boleh membantu mereka dalam menyelesaikan masalah. Antara punca lain adalah kurang pengetahuan dan pendedahan mengenai sumber untuk mendapatkan bantuan pertolongan dari profesional dalam komuniti serta timbul idea untuk mengambil jalan singkat untuk membunuh diri. Pelbagai faktor yang memainkan peranan dalam mempengaruhi keputusan klien untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling yang sering menjadi topik penyelidikan agar dapat dikenalpasti faktor ini dan seterusnya mencari alternatif yang sesuai bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kaunseling.

Pengharapan terhadap kaunseling merujuk kepada kepercayaan individu terhasilnya sesuatu daripada perhubungan kaunseling, andaiaan untuk mendapatkan impak yang penting daripada pengunaan, proses dan hasil daripada sesi kaunseling (Hatchett, 2006 : Tinsley, Bowman & Barich, 1993). Pengharapan terhadap kaunseling merujuk kepada kepercayaan klien tentang hasil rawatan, sikap kaunselor dan pendedahan emosi yang diperlukan dalam sesi kaunseling (Tinsley, 2008). Beberapa kajian membuktikan bahawa pengharapan terhadap kaunseling berkait rapat dengan beberapa pemboleh ubah iaitu jantina, umur, budaya atau latar belakang etnik, status sebagai klien dan bukan klien, kerjasama yang terbentuk dalam sesi kaunseling, keterbukaan klien untuk berubah, tahap perubahan perkembangan psikososial, stail membuat keputusan dan personaliti. Menurut Egisdottir dan Gerstein (2004), menemui bahawa golongan perempuan mempunyai pengharapan yang lebih positif terhadap kaunseling, lebih bertanggungjawab dalam sesi kaunseling dan lebih memberi komitmen secara peribadi berbanding dengan golongan lelaki.

Ajzen (1991), mendapati lebih positif sikap individu terhadap tingkahlaku tersebut, lebih tinggi niat untuk menghasilkan tingkah laku tersebut. Dalam istilah lain, individu yang mempunyai sikap yang positif untuk mendapatkan bantuan psikologi berbanding dengan mempunyai sikap yang negatif terhadap tingkah laku tersebut (Deane & Todd, 1996). Hasil usaha Vogel dan Wester (2005) pula, menilai model bantuan pertolongan berasas Ajzen dan Fishbein’s (1980), mendapati bahawa niat untuk mendapatkan bantuan psikologi adalah berpunca daripada sikap seseorang terhadap proses kaunseling. Sikap untuk mendapatkan bantuan psikologi ini terbentuk melalui penilaian pengharapan yang telah ada pada seseorang individu dalam mendapatkan bantuan psikologi (Vogel, Wade & Hakler, 2007). Beberapa kajian membuktikan bahawa golongan perempuan mempunyai sikap yang lebih posotif terhadap bantuan psikologi berbandingkan golongan lelaki (Komiya, Good &

Sherrod, 2000; Mackenzie, Gekoski, & Knox, 2006; Keklik, 2009). Terdapat juga kajian yang mendapati bahawa sikap individu mengenai bantuan psikologi adalah lebih positif bagi yang mempunyai pengalaman sebelum ini dalam mendapatkan bantuan psikologi berbanding dengan individu yang tidak mempunyai sebarang pengalaman (Komiya & Eells, 2001).

Menurut Watson (2005), mendapati antara faktor yang dapat meningkatkan niat seseorang individu untuk mendapatkan bantuan psikologi ialah apabila bertambah positif pengharapan dan sikap individu tersebut terhadap kaunseling. Justeru itu kajian ini memfokuskan hubungan antara pengharapan terhadap kaunseling, sikap dan niat untuk mendapatkan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko di sekolah.

**Pernyataan Masalah**

Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Dr Wee Kah Siong, menyatakan bahawa masalah salah laku disiplin dalam kalangan pelajar masih terkawal dan statistik Kementerian Pendidikan menunjukkan hanya kira-kira tiga peratus daripada lebih 5 juta pelajar dari 10,000 sekolah rendah dan menengah di seluruh negara terbabit kegiatan salah laku itu sepanjang sesi persekolahan 2010, ini bermakna kira-kira 97 peratus daripada keseluruhan pelajar di sekolah menengah dan rendah di negara ini, tidak terbabit dengan sebarang salah laku disiplin. Beliau berkata, mengikut rekod Kementerian 111,484 pelajar atau 72,557 pelajar sekolah menengah dan 38,927 murid sekolah rendah dikesan terbabit pelbagai salah laku disiplin pada 2010. Antara kes salah laku disiplin yang sering dilakukan pelajar terbabit termasuk jenayah (17,595 kes), ponteng sekolah (19,545 kes), berlaku kurang sopan (18,346 kes), kekemasan diri (21,384 kes), tidak mementingkan masa (17,808 kes), kelucahan (3,031 kes), vandalisme (5,212 kes) dan kenakalan (8,563 kes). Menurut beliau lagi, walaupun masalah salah laku disiplin pelajar di negara ini masih terkawal, pihak KPM tetap memandang serius gejala ponteng sekolah kerana ia menjadi penyebab utama pembabitan seseorang pelajar dalam pelbagai kegiatan berunsur negatif seperti penagihan dadah, minuman keras, samseng, seks bebas, buli dan judi. Pihak kementerian meminta sekolah mengambil pendekatan efektif termasuk memberi amaran, bimbingan dan kaunseling kepada pelajar yang terbabit dengan gejala ponteng sekolah. Selain itu, mewujudkan jawatan warden di semua asrama sekolah di seluruh negara dan mengecilkan nisbah guru kaunselor daripada 1:500 kepada 1:300. Kesimpulannya, pihak kementerian memandang serius terhadap masalah salah laku disiplin dalam kalangan pelajar dan memberi harapan yang tinggi kepada guru bimbingan dan kaunseling dalam membantu pihak sekolah menangani isu ini.



© COPYRIGHT UPM

Dapatan kajian Perlakuan Buli di Sekolah Menengah oleh Azizi Yahya dan Abdul Talib Ahmad, (2008) menunjukkan pihak sekolah terutama kaunselor merupakan antara pihak yang paling kurang dirujuk oleh para pelajar berkenaan masalah perlakuan buli di sekolah. Oleh yang demikian, kajian lanjutan boleh dilakukan bagi mengenal pasti punca tersebut. Dalam menjalankan peranan sebagai kaunselor, Zulkhairi (2004), telah menunjukkan bahawa kaunselor yang dipertanggungjawabkan di sekolah-sekolah sudah mampu memainkan peranan yang sewajarnya dalam membantu pelajar menyelesaikan masalah mereka dan mengendalikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah dan seterusnya secara tidak langsung dapat membantu negara menangani gejala salah laku sosial dalam kalangan remaja. Menurut kajian Zainuddin Abu, Zuria Mahmud dan Salleh Amat (2008), menunjukkan pendekatan kaunseling yang dijalankan kepada pelajar IPT telah menunjukkan hasil yang positif di mana klien kembali mendapat keyakinan diri, mendapat celik akal tentang hubungan kekeluargaan serta mendapat sokongan keluarga dan membina tingkah laku yang lebih berkesan. Ini membuktikan bahawa kaunselor mempunyai peranan yang penting dalam usaha mengurangkan punca gejala sosial.

Kajian Bahmah Gopal (2009), menunjukkan bahawa pelajar mengakui perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang dijalankan amat sesuai dengan keperluan pelajar serta membuktikan unit perkhidmatan bimbingan dan kaunseling menjalankan perkhidmatan yang berkesan dengan dapat membantu pelajar memilih institusi pengajian tinggi, merancang masa depan, membantu menyelesaikan masalah peribadi pelajar, keluarga dan amat sesuai untuk membantu pelajar dalam bidang akademik. Dalam kajian sama membuktikan wujudnya harapan pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dimana kesangggupan pelajar mengunakan perkhidmatan bergantung kepada sikap mereka terhadap penilaian perkhidmatan dan pengharapan terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Menurut Ajowi dan Simitwa (2010), mendapati perkhidmatan bimbingan dan kaunseling tidak dimanfaatkan dengan efektif dalam membantu pelajar bermasalah disiplin di Kenya, ini terbukti dengan wujudnya kes disiplin dalam kalangan pelajar serta bersetuju dengan kajian lepas Simatwa (2007) yang menyatakan bahawa kurangnya program bimbingan di sekolah punca utama pencapaian akademik yang suram dan timbulnya masalah disiplin di sekolah. Kajian ini menemui pandangan pentadbir sekolah dan ketua guru bimbingan dan kaunseling mengenai peranan bimbingan dan kaunseling dalam pengurusan pelajar bermasalah disiplin adalah seiring dengan penemuan kajian Simatwa (2007). Kajian beliau menunjukkan bahawa pelajar yang dibimbing dengan baik oleh guru akan membuat perkara yang lebih baik dalam pembelajaran dan lebih berdisiplin dan sebaliknya jika pelajar tidak dibimbing dengan baik atau diabaikan akan menimbulkan masalah disiplin. Bakhda (2004, dalam Simatwa & Ajowi, 2010) mendapati kaunseling kelompok adalah penting dalam menghalang



© COPYRIGHT UPM

pelajar menghadapi gangguan dan boleh membantu memperkembangkan pertumbuhan pelajar secara sihat dan mesra.

Di Malaysia, walaupun perkembangan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menunjukkan tahap yang memberansangkan dan mula mendapat perhatian dan tumpuan pelajar, namun begitu masalah pelajar berisiko terus meningkat dan menunjukkan angka yang tidak menyenangkan. Kementerian Pendidikan Malaysia mempertingkatkan usaha dalam membantu membendung masalah disiplin dalam kalangan pelajar sekolah dengan mempergiatkan lagi perkhidmatan bimbingan kaunseling yang ditawarkan di sekolah. Surat Siaran Kementerian Pelajaran Malaysia Bilangan 12 tahun 2012 memutuskan agar dibuat perekayasaan ke atas perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dengan memberi penekanan secara lebih berfokus kepada pembangunan sahsiah dan peningkatan disiplin diri dalam kalangan murid di sekolah berikutan penelitian terhadap isu disiplin dalam kalangan murid sepanjang tahun 2011 didapati isu ini masih tidak dapat dicegah dan ditangani secara berkesan oleh pihak sekolah.

Harapan Kementerian Pendidikan Malaysia agar pihak sekolah dapat memastikan perkhidmatan yang diberikan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah adalah perkhidmatan yang terbaik dan berkesan terhadap murid-murid serta difokuskan kepada pembangunan sahsiah dan peningkatan disiplin diri dalam kalangan murid. Sehubungan dengan itu, kajian ini perlu dijalankan untuk melihat tanggapan, harapan, sikap dan niat pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling agar penambahbaikan boleh dilakukan hasil dari dapatan yang diperoleh.

Daripada kajian yang lepas mendapati perkhidmatan bimbingan kaunseling memainkan peranan yang penting dalam mengubah tingkahlaku pelajar yang menghadapi masalah sosial mahupun disiplin, walaubagaimanapun hanya sebilangan kecil pelajar sekolah yang bermasalah mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Penyelidik mendapati beberapa kajian yang melihat ekspektasi terhadap kaunseling dan sikap terhadap kaunseling berkait dengan niat untuk mendapatkan kaunseling namun tidak ada satu kajian yang melihat sama ada wujudnya ekspektasi, sikap pelajar yang bermasalah disiplin terhadap perkhidmatan kaunseling serta niat untuk mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Kajian ini ingin mengenalpasti pengharapan dan sikap pelajar berisiko di sekolah terhadap kecenderungan untuk berjumpa dengan kaunselor untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling yang ditawarkan di sekolah.



© COPYRIGHT UPM

**Objektif Umum**

Mengenal pasti hubungan antara pengharapan, sikap terhadap perkhidmatan kaunseling dan niat untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko.

**Objektif Khusus**

1. Mengenalpasti tahap pengharapan terhadap perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko (Komitmen personal, situasi fasilatatif dan kepakaran kaunselor).
2. Mengenalpasti tahap sikap untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko (Kesedaran keperluan individu, toleransi stigma, keterbukaan interpersonal dan keyakinan terhadap bantuan kaunseling).
3. Mengenalpasti tahap niat untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko.
4. Mengenal pasti hubungan antara pengharapan mengenai kaunseling dan sikap untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko.
5. Mengenalpasti hubungan antara tahap sikap untuk mendapatkan bantuan kaunseling dan niat untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko.
6. Mengenalpasti hubungan antara tahap pengharapan dan niat untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko.
7. Menentukan sama ada terdapat pengaruh antara pengharapan mengenai kaunseling dan sikap untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling terhadap niat untuk mendapatkan perkhidmatan dalam kalangan pelajar berisiko.
8. Menganalisis sama ada sikap untuk mendapatkan kaunseling menjadi pemboleh ubah perantara di antara pengharapan mengenai kaunseling dengan niat untuk mendapatkan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko.

**Persoalan Kajian**

1. Apakah tahap pengharapan terhadap perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko (Komitmen personal, situasi fasilatatif dan kepakaran kaunselor)?
2. Apakah tahap sikap untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko (Kesedaran keperluan individu, toleransi stigma, keterbukaan interpersonal dan keyakinan terhadap bantuan kaunseling)?
3. Apakah tahap niat untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko?



© COPYRIGHT UPM

4. Adakah terdapat hubungan antara pengharapan mengenai kaunseling dan sikap untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko?
5. Adakah terdapat hubungan antara tahap sikap untuk mendapatkan bantuan kaunseling dan niat untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko?
6. Adakah terdapat hubungan antara tahap pengharapan dan niat untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko?
7. Adakah terdapat pengaruh antara pengharapan mengenai kaunseling dan sikap untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling terhadap niat untuk mendapatkan perkhidmatan dalam kalangan pelajar berisiko?
8. Adakah sikap untuk mendapatkan kaunseling bertindak sebagai pemboleh ubah perantara diantara pengharapan mengenai kaunseling dengan niat untuk mendapatkan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko?

**Hipotesis Kajian**

$H_{a1}$ Terdapat hubungan positif antara pengharapan mengenai kaunseling dan sikap untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko.

$H_{a2}$ Terdapat hubungan positif antara tahap sikap untuk mendapatkan bantuan kaunseling dan niat untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko.

$H_{a3}$ Terdapat hubungan positif antara tahap pengharapan dan niat untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko.

$H_{a4}$ Terdapat pengaruh antara pengharapan mengenai kaunseling dan sikap untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling terhadap niat untuk mendapatkan perkhidmatan dalam kalangan pelajar berisiko.

$H_{a5}$ Terdapat sikap untuk mendapatkan kaunseling bertindak sebagai pemboleh ubah perantara kepada pengharapan mengenai kaunseling dengan niat untuk mendapatkan kaunseling dalam kalangan pelajar berisiko.

**Definisi Pemboleh Ubah Dalam Kajian**

**Pengharapan**

Pengharapan menurut kamus dewan adalah jangkaan . Tinsley dan Tokar (1994) pula mendefinisikan pengharapan dalam konteks silang budaya



© COPYRIGHT UPM

sebagai harapan individu terhadap kaunselor yang seharusnya menunjukkan kompetensi kecekapan (kesedaran, sikap, dan kemahiran) dalam terapi. Menurut Tinsley, Bowman dan Ray (1988), jangkaan kaunseling telah ditakrifkan sebagai "penyata kebarangkalian mengenai kemungkinan bahawa satu peristiwa akan berlaku dalam kaunseling (contohnya, kaunselor akan memahami masalah saya) atau keadaan yang akan wujud (contohnya, kaunselor akan kelihatan dipercayai)". Jangkaan boleh mempengaruhi proses untuk mendapatkan pertolongan, tingkah laku klien dalam terapi dan hasil daripada terapi (Tinsley, 2008). Pengharapan pelajar akan dilihat berdasarkan tiga dimensi komitmen peribadi kaunselor, kondisi fasilitatif dan kepakaran kaunselor.

Dalam konteks kajian ini, pengharapan terhadap kaunseling diukur dengan melihat kepada tiga dimensi iaitu komitmen personal, kondisi fasilitatif dan kepakaran kaunselor dengan mengunakan alat ujian *Expectation About Counseling – Brief Form, (EAC-BF).*

### Sikap untuk Mendapatkan Bantuan Kaunseling

